

# Kerajaan tidak abai kawasan terpencil

BH 25 SEP 2001

Oleh Manja Ismail dan Kadir Dikoh

SIBU, Isnin - Kerajaan tidak pernah mengabaikan kawasan terpencil, terutama di Sabah dan Sarawak, dan sentiasa berusaha memajukannya supaya pembangunannya setanding dengan kawasan lain di seluruh negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kebanyakan kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak sudah menikmati kemudahan seperti yang terdapat di kawasan bandar.

Malah, tidak banyak lagi kawasan yang tidak mendapat pembangunan di seluruh negara, manakala bagi kawasan agak ketinggalan menjadi sasaran utama pelaksanaan projek pembangunan.

"Tetapi kita tidak dapat membuat semua ini serentak sekali gus. Ia tentu mengambil masa. Ada kawasan mengambil masa pendek dan ada yang mengam-

## Kebanyakan kawasan pedalaman sudah menikmati kemudahan manakala bagi kawasan agak ketinggalan menjadi sasaran utama projek pembangunan

ta rakyat Sarawak membuat pilihan bijak pada pilihan raya kali ini kerana ada parti pembangkang, walaupun tidak meletakkan cukup calon untuk mendirikan kerajaan, membuat pelbagai janji.

Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang bertanding pertama kali pada pilihan raya negeri ini meletakkan calon di 25 daripada 62 kerusi, manakala DAP bertanding di 13 kerusi dan Pas di tiga kawasan.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, parti pembangkang tidak mungkin membentuk kerajaan tetapi bercakap seolah-olah mereka

Bruit ini. Saya yakin apa juga perbelanjaan yang mampu kita belanjakan, kita akan belanjakan untuk kawasan terpencil supaya rakyat yang tinggal di sini mendapat kemudahan seperti juga yang ada di kawasan lain," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat berjanji untuk memberi bantuan kepada kerajaan Sarawak bagi membangunkan kawasan terpencil.

"Kita ingin menentukan bahawa pendapatan kerajaan diagihkan secara adil di antara kawasan-kawasan di negara ini. Kita sedar lebih banyak kawasan yang mana penduduknya

"Kita tak lupa kepada kawasan terpencil yang tidak mendapat bekalan elektrik dan air. Kita tak berjanji kosong. Apa yang kita janji, kita tunaikan. Parti lawan ini cakap saja walaupun mereka tak mungkin menunaikan janji," katanya berucap pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Kampung Semop, Pulau Bruit dalam Bahagian Sarikei, kira-kira dua jam perjalanan bot dari sini, hari ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri melancarkan projek bekalan air Pulau Bruit bernilai kira-kira RM55 juta, yang dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun.

Pulau Bruit, seluas 43,700 hektar persegi yang terletak di utara delta rangkaian Sungai Rajang adalah antara kawasan terpencil di negeri ini berikutan kedudukannya yang hanya boleh dihubungi jalan air.

Perdana Menteri yang diiringi Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud kemudian melawat pameran pembangunan sebelum menghadiri jamuan tengah hari. Hadir sama calon BN bagi kawasan Serdeng, Datuk Mohd Asfia Awang Nasar.

Dr Mahathir juga memin-

"Sebenarnya, mereka ini hanya ingin mendapat tempat bagi diri mereka. Mereka anggap pilihan raya ini sebagai peluang untuk diri mereka. Sebaliknya, kita mengadakan pilihan raya supaya rakyat sekali lagi dapat memperbaharui sokongan kepada parti BN yang sudah berjasa kepada rakyat," katanya.

Mengenai Pulau Bruit, Dr Mahathir berkata ia tidak dapat dibangunkan lebih awal kerana tempat itu begitu jauh dari pusat pembangunan serta tidak mempunyai bekalan air yang berdekatan, manakala jalan raya sukar dibina kerana terdapat banyak sungai.

Perdana Menteri berkata, kos membangunkan kawasan seumpama itu amat tinggi dan pada masa yang sama, tempat lain juga memerlukan pembangunan.

"Kita sendiri turut kesal kerana lambat sangat pembangunan jalan ke Pulau Bruit ini. Alhamdulillah, walaupun pembangunan agak lambat, penduduk di sini adalah orang sabar dan mereka memberi sokongan penuh kepada BN. "Sebab itu juga, hari ini kita sanggup membangunkan kawasan seperti di

Sabah dan sebab itu, Kerajaan Pusat bersetuju untuk memberi peruntukan yang lebih kepada Sarawak dan Sabah," katanya.

Sementara itu, di KUCHING, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan menyekat pembangunan sekolah Cina dan Tamil di negara ini.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan pesat sekolah berkenaan di negara ini adalah bukti kukuh mengenai komitmen kerajaan untuk menjaga kepentingan semua kaum, terutama dari segi pembangunan pendidikan.

"Kerajaan beri jaminan tidak akan cuba menyekat pelajaran dalam bahasa Tamil dan Cina, bahkan kita membantu perkembangan mereka," katanya berucap kepada pelajar, guru dan ibu bapa sempena lawatannya ke Sekolah Menengah Chung Hua No.4 di sini.

Dr Mahathir, yang tiba pagi tadi untuk lawatan kerja sehari ke Sarawak, berkata, tidak seperti negara lain, Malaysia menggalakkan semua kaum memelihara bahasa ibunda mereka walaupun bahasa kebangsaan negara ialah bahasa Melayu.